



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 NOVEMBER 2016

Dr. Mahathir hentam Pas

um-13/11/2016
SHAH ALAM 12 Nov-

Ketiadaan kelibat pemimpin Pas dalam Konvensyen Pakatan Harapan 2016 menunjukkan seolah-olah parti tersebut sudah memberikan jawapan yang mereka tidak mahu bersama pakatan yang diketuai DAP itu terutama ketika berdepan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan datang.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menganggap mana-mana pihak yang tidak menyertai pakatan itu merupakan penyokong kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Meskipun tidak menyebut pihak terbabit, kenyataan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu seolah-olah merujuk kepada Pas yang sehingga kini belum menyatakan pendirian untuk menyertai pakatan tersebut.

“Saya berpendapat, sesiapa yang menimbulkan masalah dalam parti, sebenarnya adalah penyokong Najib.

“Mereka mungkin mendakwa berjuang untuk orang Melayu tetapi sebenarnya menyokong Najib.

“Sebab itu kita akan menentang sesiapa sahaja yang tidak menyertai pakatan untuk menjatuhkan Najib,” katanya ketika berucap dalam Konvensyen Pakatan Harapan 2016 di sini, hari ini.

Yang hadir sama ialah Penasihat DAP, Lim Kit Siang; Presiden PKR, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail dan Presiden PAN, Mohamad Sabu.

Sementara itu, Dr. Mahathir dalam sidang akhbar memberitahu, beliau yakin pakatan harapan yang diketuai DAP itu tidak akan berpeluang memenangi PRU-14 sekiranya Pas mewujudkan situasi pertandingan tiga penjuru.

Menurutnya, pertandingan sedemikian tidak memberi keuntungan kepada pakatan pembangkang itu melainkan Pas menyatakan pendirian untuk bersama.